

CUEPACS sambut baik tubuh UM 3 1 MAR 2001 jawatankuasa SSB

KUALA LUMPUR 30 Mac — Langkah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menubuhkan Jawatankuasa Kajian Sistem Saraan Baru (SSB) disambut baik oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Menurut Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan, penubuhan jawatankuasa itu telah disampaikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman melalui surat kepada CUEPACS hari ini.

Katanya, KSN turut memaklumkan kesediaan JPA untuk membincangkan cadangan-cadangan CUEPACS berikutan perjumpaan dengan Perdana Menteri sebelum ini.

“Perdana Menteri pada pertemuan 14 Mac lalu telah menyatakan persetujuan supaya sistem Jadual Gaji Matriks dalam SSB dikaji segera kerana tidak diterima oleh kebanyakan kakitangan awam,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ahad lalu, CUEPACS telah meminta JPA mengkaji semula pelaksanaan SSB dengan menetapkan beberapa kenaikan gaji untuk kakitangan awam sokongan II dan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).

Semua cadangan ini terkandung di dalam memorandum gaji yang dikemukakan kepada jabatan tersebut bagi menyemak semula sistem yang terlalu banyak kelemahan itu.

Menurut Abdul Rahman, selain itu, resolusi Majlis Kongres CUEPACS yang telah diluluskan turut meminta JPA mengemukakan laporan kajian terkini SSB kepada kabinet dalam tempoh tiga bulan.

Dalam pada itu katanya lagi, CUEPACS bersedia mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir untuk berbincang dan menyerahkan maklum balas seperti yang diminta oleh beliau sebelum ini.

Lantaran itu, beliau menyatakan keyakinannya bahawa isu ini akan diselesaikan dalam jangka masa terdekat dan perbincangan dengan JPA akan berlangsung setelah CUEPACS menyerahkan maklum balas itu kepada Perdana Menteri nanti.

“Kita berharap JPA dan Perbendaharaan Negara tidak mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan isu ini kerana kakitangan awam telah menunggu perubahan hampir 10 tahun,” kata Abd. Rahman lagi.